

Syarat peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh penerima tauliah

Setiap orang yang diberi tauliah adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. Tidak boleh menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- b. Tidak boleh menyentuh apa-apa yang berhubung dengan kebesaran, kemuliaan, kedaulatan dan kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja sebagai ketua negeri;
- c. Tidak boleh menyinggung sensitiviti mana-aman kaum, agama, adat resam dan budaya penduduk tempatan yang boleh membawa ketegangan kaum dan agama;
- d. Tidak boleh mempertikaikan perkara-perkara khilafiah yang terdapat di dalam empat mazhab (Shafie, Hanafi, Maliki dan Hambali);
- e. Tidak boleh mempertikaikan apa-apa jua fatwa negeri.
- f. Dalam perkara-perkara berkaitan hukum fiqh, hendaklah berdasarkan Mazhab Shafie;
- g. Tidak boleh menyentuh isu-isu kepartian politik;
- h. Tidak boleh menyentuh hal-hal peribadi mana-mana individu; dan
- i. Syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa.